

RAMAI TOKOH PUJI UCAPAN PERDANA MENTERI

REAKSI ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno di Perhimpunan Agung yang ke-34 mengenai semangat berpasukan telah disanjung dan dipuji sebagai tegas serta berterus-terang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, berkata perkara itu memang patut diberitahu sekarang kerana keadaan dalam parti yang bergolak.

"Persoalannya sekarang bukan patut atau tidak perkara itu didedahkan, tetapi yang lebih penting ialah perlu atau tidak," katanya.

Beliau menekankan bahawa ucapan secara berterus-terang itu tidak akan menimbulkan keke-

liruan di kalangan ahli-ahli Umno.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan betapa perlunya "team" yang baik dan dalam perkara ini beliau mengucapkan terima kasih kepada perwakilan Umno 1981 kerana telah memilih Datuk Musa Hitam sebagai "teamnya" yang baik.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, berkata ucapan itu memang tepat dan kena pada masanya kerana pergolakan politik yang berlaku dalam parti.

Katanya, ini juga satu amaran yang keras kepada penyokong-penyokong seseorang pemimpin dalam parti.

"Kenyataan seperti itu melegakan mereka yang tidak terbabit dalam mana-mana pihak yang

mengelirukan orang ramai.

"Saya sendiri telah menghadapi banyak masalah kerana ada pihak menyatakan saya menyokong orang ini atau orang itu," katanya.

Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Nazri Tan Sri Aziz Yeop, juga mengucapkan tahniah kerana ucapan yang berterus-terang dan tegas itu.

Tetapi, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Naib Presiden Umno, Datuk Harun Haji Idris enggan mengulas mengenainya.

Mereka berkata, "tersejarah kepada perwakilan untuk menentukannya kerana perwakilan mempunyai kuasa penuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu".